

Headline	Cheng Hoe terkejut Lang Merah benam cabaran Singa Utara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	62	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,028



## Cheng Hoe terkejut Lang Merah benam cabaran Singa Utara

**PENGENDALI** baru Lang Merah, Tan Cheng Hoe tidak menjangkakan bahawa pasukannya akan meraih kemenangan besar ke atas pasukan jiran setempat, Perlis 6-1 di Stadium Darul Aman, Isnin lalu.

Beliau yang dalam usaha untuk mengenali corak setiap pemainnya selepas mengambil alih tugas David Stuart Mitchell, Khamis lalu sebelum perlawanan mengakui mampu menang ke atas pasukan Singa Utara itu, namun bukan dengan jumlah jaringan besar.

Katanya, kemenangan tersebut secara tidak langsung telah meningkatkan keyakinan semua pemain yang sebelum ini kendur, dan beliau mahu memastikan momentum berkenaan mampu diteruskan semasa menerima kunjungan DRB Hicom Jumaat ini.

"Pada perlawanan menentang UiTM FC, Jumaat lalu, saya telah mengesan beberapa kelemahan Kedah, antaranya bermain hantaran jauh dan ia sedikit sebanyak berjaya diubah dengan meng-

ubah bermain hantaran pendek pada perlawanan menentang Perlis.

"Untuk permulaan ini saya berpuas hati, namun perjalanan masih jauh dan ini adalah satu cara atau identiti Kedah yang saya cari dan berharap selepas ini pemain tidak akan mudah hilang bola," katanya.

Kata bekas pemain Kedah itu, pada perlawanan tersebut, semua pemain berjaya menunjukkan satu komitmen yang cukup tinggi dan dua gol awal menjadi detik kebangkitan Lang Merah pada perlawanan berkenaan.

"Saya rasa dari satu perlawanan ke satu perlawanan pemain akan terus meningkatkan corak permainan, prestasi dan disiplin.

"Secara jujurnya agak sukar untuk kita muncul dua kelompok terbaik Liga Premier, namun sasaran kita kini empat terbaik untuk layak ke saingan Piala Malaysia kerana perbezaan mata kita dengan PDRM dan Pulau Pinang agak besar," katanya.



FOTO: AHMAD ZAKI OSMAN

Rangkaian serangan Lang Merah (dari kiri) Syazwan; Billy; Faizal; Baddrol dan Adam Aidil beri komitmen cukup tinggi dalam menekan pertahanan Perlis sepanjang perlawanan.